

**Kerajaan Sentiasa Bantu Wanita Berminat Jadi Usahawan - Azizah
Bernama
22 Oktober, 2012**

KOTA KINABALU, 22 Okt (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah sentiasa membantu kumpulan wanita yang berpotensi dan mempunyai minat dalam bidang perniagaan.

Menterinya Datuk Azizah Mohd Dun berkata kementerian turut merangka Pelan Induk Pembangunan 10 Tahun Wanita di samping mengadakan program motivasi dan penyediaan premis-premis perniagaan melalui Wisma Wanita serta hab usahawan di peringkat wilayah, katanya ketika menjawab soalan Datuk Liew Tech Chan (SAPP-Likas) pada persidangan Dewan Undangan Negeri di sini, hari ini.

Terdapat kira-kira 1.6 juta orang tenaga buruh di Sabah merangkumi 1,073,400 lelaki dan 516,500 wanita berdasarkan Penyiasatan Tenaga Buruh pada tahun 2010 dengan 1,507,800 daripada mereka dikategorikan sebagai bekerja iaitu melibatkan 1,015,100 orang lelaki dan 492,700 wanita.

Beliau berkata hanya 29.1 peratus (24,000 orang) wanita di dalam tenaga buruh yang dikategorikan sebagai tidak bekerja adalah mereka yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan semasa Penyiasatan Tenaga Buruh dilaksanakan berbanding 58,000 orang lelaki (70.9 peratus) menjadikan jumlah mereka yang tidak bekerja seramai 82,000 orang.

"Manakala wanita di dalam tenaga buruh yang dikategorikan sebagai tidak bekerja adalah mereka yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan semasa Penyiasatan Tenaga Buruh dilaksanakan iaitu 29.1 peratus (24,000 orang) dan lelaki 70.9 peratus (58,000 orang) menjadikan jumlah tidak bekerja seramai 82,000".

"Jumlah keseluruhan penduduk yang berada di luar tenaga buruh pada tahun 2010 ialah 848,500 orang (wanita 656,600 orang dan lelaki 191,900 orang)," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=703834>